

Headline	PROPEL, UPSB jalin kerjasama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Dec 2012	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Ekonomi	Color	Full Color
Page No	B4	ArticleSize	330 cm ²
AdValue	RM 11,172	PR Value	RM 33,517



PROPEL, UPSB jalin kerjasama

» *Sasar projek selenggara infrastruktur di institusi pengajian tinggi*

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fsal@bharian.com.my

► **Petaling Jaya**

Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Bhd (PROPEL) menjalinkan usaha sama dengan Uniutama Property Sdn Bhd (UPSB) bagi mendapatkan projek penyelenggaraan infrastruktur.

Kedua-dua syarikat akan bekerjasama untuk memperoleh projek daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) serta institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang lain.

Pengarah Urusan PROPEL, Wan Azman Wan Salleh, berkata usaha sama bersinergi itu membolehkan kedua-dua pihak menyertai kontrak lebih besar, terutama dalam kalangan IPTA dan IPTS.

Beliau berkata, PROPEL menyasarkan untuk menggandakan pendapatannya menje-



Wan Azman (kiri) bertukar dokumen MOU dengan Suardi di Petaling Jaya, semalam.

lang 2015 dan usaha sama dengan UPSB menyediakan ruang untuk syarikat itu meneroka peluang dalam pasaran khusus.

Kenal pasti usaha sama

"Kami juga sedang mengenal pasti usaha sama dan pengambilalihan dengan syarikat lain, bagi mengembangkan lagi per-

niagaan dan operasi kami," katanya pada majlis memeterai perjanjian persefahaman (MoU) antara PROPEL dengan UPSB, di Petaling Jaya, semalam.

Pada majlis itu Wan Azman memeterai bagi pihak PROPEL, manakala UPSB diwakili Pengurus Besarnya, Suardi Mohammad Zakaria.

PROPEL adalah anak syarikat milik penuh UEM Group Bhd yang yang memiliki kepakaran dan berpengalaman dalam projek penyelenggaraan infrastruktur, manakala Uniutama Property ialah anak syarikat UUM yang terbabit dalam perkhidmatan pembersihan, landskap dan penyelesaian kebersihan.